

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JULY 2016

# Pakatan pembangkang sudah ada Wan Azizah sebagai ketua

Ulm-18/7/2016

**KUALA LUMPUR 17 Julai** - Pakatan pembangkang sudah mempunyai ketuanya sendiri iaitu Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan ura-ura kononnya Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu mengetuai gabungan parti pembangkang tidak perlu dipolimikkan.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, sekarang terserah kepada Wan Azizah dan barisan kepemimpinan pembangkang sama ada bersedia untuk membenarkan bekas Perdana Menteri itu menjadikan mereka tunggangan politiknya ataupun tidak.

Jelasnya, selaku ketua, tentu sekali Wan Azizah bersama DAP serta PAN yang berhak menentukan hala tuju pembangkang dan bukannya Dr. Mahathir kerana agenda bekas Perdana Menteri itu hanyalah

mahu meletakkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz di persada puncak kekuasaan politik.

“Apakah mereka bersetuju menjayakan niat politik Dr. Mahathir yang sentiasa berhasrat merintis jalan untuk melihat anaknya berada di puncak persada politik negara atau sebaliknya, belum diketahui lagi tetapi kita percaya Wan Azizah, DAP dan PAN yang berhak menentukan hala tuju pembangkang.



**ANNUAR**

“Agenda Dr. Mahathir adalah untuk membela anaknya dan ini hanya dapat dilakukan dengan mereka terlebih dahulu menjadi ahli mana-mana parti atau menubuhkan sebuah parti baharu untuk Mukhriz, kemudian bahu-rulah bergabung,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, Dr. Mahathir menge-

sahkan mengenai penubuhan pakatan pembangkang baharu yang akan dianggotai parti-parti politik pembangkang untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Bagaimanapun, Pas melalui Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang awal-awal lagi menegaskan bahawa parti kedua terbesar orang Melayu itu tidak akan menyertai pakatan baharu tersebut yang disifatkannya terumbang-ambing.

Dalam pada itu, Annuar berkata, beliau percaya hasrat Dr. Mahathir yang mahu mengangkat Mukhriz dengan menjadikan usaha membersihkan UMNO sebagai alasan tidak akan diterima pembangkang.

“Dr. Mahathir sekarang sangat terdesak kerana masa tidak berpihak kepadanya, tentunya beliau mahu memejam mata dalam keadaan Mukhriz berada di posisi tertinggi lagi berkuasa dalam politik negara,” katanya.